

D966

U B987 DEB  
PM - NASIONALISME R R R

KUALA LUMPUR, 16 OGOS (BERNAMA) -- PARA PENULIS MEMAINKAN PERANAN BESAR DALAM MENANAMKAN SEMANGAT NASIONALISME DI KALANGAN RAKYAT, KHUSUSNYA DI KALANGAN JENERASI MUDA, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMED HARI INI.

BELIAU MENEGASKAN WALAUPUN SEMANGAT NASIONALISME BOLEH DIPUPUK MELALUI SYARAHAN DAN UCAPAN TETAPI PARA PENULIS MEMAINKAN PERANAN UTAMA MENGABADIKAN SETIAP PENDAPAT DAN PANDANGAN YANG DIKEMUKAKAN DALAM PENULISAN MEREKA.

BERUCAP MERASMIKAN PAMERAN +NASIONALISME DALAM PERSURATAN+ DI MUZIUM NEGARA DI SINI, PERDANA MENTERI BERKATA, PERANAN PENULIS ADALAH LEBIH DARIPADA HANYA UNTUK +CARI MAKAN+ SEMATA-MATA, TETAPI MENULIS DENGAN TUJUAN MEMBAWA KEBAIKAN KEPADA MASYARAKAT.

+ MEREKA SEHARUSNYA MENULIS DENGAN TUJUAN UNTUK MEMUPUK NILAI-NILAI MULIA, SEPERTI SEMANGAT KEBANGSAAN DI KALANGAN BANGSA, DAN MENJADIKAN BANGSA ITU SATU BANGSA YANG BERJAYA,+ KATANYA.

BELIAU MENEGASKAN, SEORANG PENULIS YANG BENAR-BENAR BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP BANGSA, PERLU MEMBANTU BANGSANYA MENCAPAI KEJAYAAN MELALUI NILAI-NILAI MULIA YANG DITEKANKAN DALAM PENULISAN MEREKA. -- LAGI.

2027MST 16 08 85

D967

U 8988 DEB  
PM - NASIONALISME 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, PERASAAN KEBANGSAAN PERLU DIPUPUK DI KALANGAN JENERASI MUDA DAN TIDAK DIBIARKAN HILANG BEGITU SAHAJA KERANA IA AKAN MEMBAWA NIKMAT DAN KEBAHAGIAAN KEPADA SESUATU BANGSA.

+DENGAN MEMEGANG NILAI YANG MULIA SEPerti INI, BUKAN SAHAJA AKAN MENJADIKAN SESUATU BANGSA ITU BERJAYA, MALAH DAPAT MEMELIHARA AGAMANYA.+

+MAJU MUNDURNYA NEGARA BERGANTUNG KEPADA NILAI HIDUPNYA, WALAUPUN NEGARA ITU TIDAK MEMPUNYAI SUMBER YANG CUKUP UNTUK MENJADIKANNYA KAYA, TETAPI DENGAN MEMPUNYAI NILAI HIDUPNYA SENDIRI DUNIA TIDAK AKAN MUDAH MENGHINANYA,+ TEGAS BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA MASYARAKAT KINI SEPerti +TAKUT+ DITUDUH MEMPUNYAI SEMANGAT KEBANGSAAN SEOLAH-OLAH PERASAAN SEPerti ITU ADALAH HINA.

KATANYA, SEMANGAT SEPerti ITU TIDAK +DIIZINKAN+ LAHIR DI KALANGAN MASYARAKAT OLEH ORANG-ORANG YANG TIDAK MEMIKIRKAN SEPENUHNYA TAFSIRAN DARI AYAT-AYAT AL QURAN. -- LAGI.

2029MST 16 08 85

D970

U 8989 DEB  
PM - NASIONALISME 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, SATU BANGSA YANG BERKUALITI IALAH BANGSA YANG MEMPUNYAI RASA KASIH SAYANG TERHADAP BANGSANYA SENDIRI, YANG SANGGUP MEMPERTAHANKAN NEGARA DAN BUDAYA MEREKA.

KATANYA SEMANGAT KEBANGSAAN YANG DITANAMKAN DI KALANGAN BANGSA DI NEGARA INI TIDAK MEMBELAKANGKAN PERASAAN PERSAUDARAAN DAN AGAMA.

+INI DAPAT DIBUKTIKAN DENGAN SOKONGAN RAKYAT NEGARA INI KEPADA SETIAP PERJUANGAN UMAT ISLAM DI MANA SAHAJA DAN SANGGUP MEMBERI BANTUAN KEPADA SAUDARA SEAGAMA,+ JELAS BELIAU.

BELIAU MENEGASKAN ADALAH MUSTAHIL BAGI SESUATU BANGSA ITU MEMPERTAHANKAN NEGARANYA SENDIRI SEKIRANYA RAKYAT TIADA MEMPUNYAI PERASAAN KEBANGSAAN, KERANA SIMPATI DARI DUNIA LUAR TIDAK CUKUP UNTUK MEMBANTU MENGATASI ANCAMAN YANG DIHADAPI.

+OLEH ITU SETIAP RAKYAT TIDAK SEHARUSNYA MERASA MALU DENGAN PERASAAN MULIA ITU SEBALIKNYA IA HARUS DIPUPUK DAN JANGAN DIBIARKAN PERASAAN ITU MATI BEGITU SAHAJA,+ TEGAS BELIAU.

KATANYA HANYA ORANG-ORANG YANG MEMPUNYAI PERASAAN CETEK SAHAJA YANG KECEWA DENGAN PERASAAN SEPerti ITU TANPA MENYEDARI BAHAWA NEGARA INI MENCAPAI KEMERDEKAAN KERANA WUJUDNYA SEMANGAT ITU DI KALANGAN PEJUANG-PEJUANG TANAHAIR. -- LAGI.

2033MST 16 08 85

D992

R 0995 DEB  
PM - NASIONALISME 4 KUALA LUMPUR

SEMENTARA ITU, MENTERI PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR DATUK SERI SANUSI JUNIO BERKATA, SETIAP PENULISAN PERLU MENDEDAHKAN SESUATU PERKARA YANG BENAR DENGAN JELAS WALAUPUN +PAHIT+ UNTUK DITERIMA OLEH MASYARAKAT PEMBACA.

PARA PENULIS MASA KINI LEBIH CENDERUNG MELINDUNGI KEBENARAN MELALUI +BUNGA-BUNGA+ BAHASA KEHANA TAKUT DIKATAKAN +KURANG AJAR+ OLEH MASYARAKAT.

OLEH KERANA GOLONGAN MUDA KINI TIDAK RAHAI YANG MENGETAHUI BAHASA DENGAN MENDALAM, PENULISAN SEPERTI ITU SERING MENIMBULKAN KEKELIRUAN, KATANYA.

BELIAU MENEGASKAN KERANA PERASAAN TAKUT DIKATAKAN +KURANG AJAR+ ITU JUGA DUNIA PENULISAN MELAYU KINI BANYAK MENGAMALKAN SURAT-SURAT LAYANG TANPA NAMA.

SEHUJUNGAN DENGAN ITU BELIAU MENGGESA PARA PENULIS MENCONTOHI PENULIS-PENULIS DI ZAMAN PERJUANGAN KEMERDEKAAN DAHULU YANG BANYAK BERJASA MELALUI PENULISAN-PENULISAN YANG MENEKANKAN MASALAH BANGSA DENGAN JELAS.

SEBELUM ITU, KETUA PENGARAH DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA DATUK HAJI HASSAN AHMAD, BERKATA PAMERAN ITU PERLU DIADAKAN DARI MASA KE SEMASA DI SEBUAH TEMPAT KHAS, MEMANDANGKAN SETIAP PENULISAN YANG ADA DI NEGARA INI MERUPAKAN KHAZANAH NEGARA.

PAMERAN ITU DIADAKAN SELAMA SEBULAN DI MUZIUM NEGARA. --  
BERNAMA.

2127MST 16 08 85